

## **JAMAL ZAMAN KAUS BAWA PULANG PERODUA ALZA 1.5H DALAM KEMPEN PEMBAYARAN TANPA TUNAI “BELANJA DAN MENANG” DI R&R PLUS**

**Petaling Jaya, 28 April 2026** – Jamal Zaman Kaus merupakan pemenang bertuah bagi kempen ‘Belanja dan Menang’ dan berjaya membawa pulang hadiah utama sebuah kereta Perodua Alza 1.5H yang bernilai hampir RM70,000.00. Kempen ‘Belanja dan Menang’ ini merupakan program menggalakkan penggunaan tanpa tunai di kawasan rehat dan rawat (R&R) Lebuhraya PLUS. Kempen strategik ini dianjurkan oleh PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet).

Semasa berucap di majlis penyampaian hadiah kepada pemenang, Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, “Kempen ini menyokong aspirasi negara untuk berubah menjadi negara berpendapatan tinggi yang dipacu secara digital menjelang tahun 2030, selaras dengan Rangka Tindakan (Blueprint) MyDIGITAL. Perkara ini boleh dimanfaatkan menerusi mod pembayaran tanpa tunai melalui platform MyDebit dan DuitNow QR yang menawarkan kemudahan, kelancaran, dan keselamatan kepada pengguna lebuhraya. Sepanjang tempoh kempen ini berlangsung, PLUS telah merekodkan peningkatan melebihi 22% dalam penggunaan pembayaran digital tanpa tunai di kawasan Rehat & Rawat (R&R) serta hentian sebelah sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Pencapaian ini turut disokong oleh penyertaan daripada lebih 500 rakan niaga R&R yang mengambil bahagian, sekali gus mencerminkan penerimaan pembayaran tanpa tunai yang semakin meluas dalam kalangan pengguna lebuhraya.”

Tambah beliau, “PLUS berhasrat untuk memacu transformasi ke arah lebuhraya pintar, sekali gus meningkatkan pengalaman pengguna untuk berbelanja lebih mudah ketika singgah di kawasan rehat. Sehingga kini, sebanyak 98% R&R dan hentian sebelah di Lebuhraya PLUS telah menerima dan melaksanakan pembayaran tanpa tunai.”

Turut hadir bagi menyempurnakan majlis ini adalah Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Ir. Mohd Hadzmir Yusoff. Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Lebuhraya Malaysia, Ir. Ts. Husain Osman; Ketua Pegawai Komersial PayNet, Azrul Fakhzan Mainor dan Ketua Pegawai Komersial PLUS, Mohd Fauzi Puniran.

Menurut Ketua Pegawai Komersial PayNet, Azrul Fakhzan Mainor, “Kerjasama jangka panjang kami dengan PLUS berlandaskan visi bersama untuk menjadikan pembayaran secara digital lebih lancar dan praktikal dalam kehidupan seharian. Sejak 2022, kami telah menyokong usaha pendigitalan peniaga di R&R PLUS, bermula dengan penerimaan MyDebit dan kemudiannya diperluas kepada pengaktifan penuh platform DuitNow QR di semua lokasi pada 2025. Inisiatif ini membolehkan peniaga beroperasi dengan lebih efisien, di samping mempercepatkan peralihan ke arah ekosistem tanpa tunai sepenuhnya.”

Kempen ‘Belanja dan Menang’ telah berlangsung dari 1 Oktober hingga 31 Disember 2025, dengan lebih 30,000 resit penyertaan direkodkan sepanjang tempoh tersebut. Pemenang dipilih di kalangan peserta yang berbelanja minimum RM30 dalam satu hari dengan menggunakan kad MyDebit atau DuitNow QR, berdasarkan resit terkumpul di mana-mana kawasan R&R dan hentian sebelah di sepanjang Lebuhraya PLUS.

Secara keseluruhannya, kempen ini menawarkan hadiah-hadiah terkumpul yang bernilai lebih daripada RM200,000.00. Selain daripada pemenang utama yang membawa pulang sebuah Perodua Alza 1.5 H, pemenang tempat kedua pula menerima baucar petrol untuk satu tahun yang bernilai RM5,000.00 setiap satu bagi sepuluh (10) pemenang. Tempat ketiga pula akan menerima hadiah berupa telefon pintar Samsung Galaxy Z Flip 7 bagi tiga (3) pemenang. Turut disediakan ialah hadiah saguhati berupa Samsung Galaxy Tab kepada sepuluh (10) pemenang. Sepanjang tempoh kempen ini juga, pemenang bulanan telah dipilih untuk menerima baucar petrol bernilai RM300.00 dan RM200.00.

Selain belanja dan menang, kerjasama PLUS-Paynet yang lain meliputi kempen “Jimat 10% bersama kad MyDebit” pada tahun 2024 dan kempen “Wave dan Menang” bersama Kad MyDebit pada tahun 2023.

-TAMAT-

### PERTANYAAN MEDIA:

<b>Mashitah Mohd Arshad</b> Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	<b>Rofina Adam</b> Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---